



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
BAHAGIAN PEROLEHAN

**PEKELILING PEROLEHAN BILANGAN 3 TAHUN 2023**

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN MESYUARAT  
PASUKAN PELAKSANA SISTEM ePEROLEHAN (eP) BAGI  
BAHAGIAN/ INSTITUSI/ JABATAN PENDIDIKAN NEGERI BAWAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan kepada semua Bahagian/ Institusi/ Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) mengenai pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Sistem ePerolehan (eP) di peringkat Bahagian/ Institusi/ JPN Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- 1.2 Kementerian Kewangan melalui PK5.1 telah mengeluarkan arahan supaya segala urusan perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding dilaksanakan sepenuhnya menggunakan sistem eP mulai 29 Jun 2018.
- 1.3 Pekeliling yang sama juga telah menggariskan terma rujukan bagi Pasukan Pelaksana Agensi (peringkat jabatan) yang menyatakan berkenaan keahlian dan peranan Pasukan Pelaksana di **Lampiran 8** kepada **PK5.1**.

## 2. TAKRIFAN

Dalam Garis Panduan ini, melainkan konteksnya mengkehendaki makna yang lain, perkataan yang ditakrifkan di bawah hendaklah mempunyai erti/ maksud yang berikut:

- 2.1 “Bahagian” ertinya semua bahagian di Kementerian termasuk Jemaah Nazir, Lembaga Peperiksaan dan Unit Audit Dalam;
- 2.2 “Institusi” ertinya Institut Aminudin Baki (IAB) dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM);
- 2.3 “Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)” ertinya semua Jabatan Pendidikan Negeri dan semua Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan.

## 3. PENGURUSAN MESYUARAT PASUKAN PELAKSANA SISTEM eP

- 3.1 Semua Bahagian, Institusi dan JPN hendaklah menubuhkan Pasukan Pelaksana Sistem eP dengan merujuk kepada Terma Rujukan yang telah ditetapkan dalam PK5.1 dari segi pengerusi, keahlian, peranan dan kekerapan mesyuarat.
- 3.2 **Mesyuarat Pasukan Pelaksana Sistem eP** di setiap Bahagian, Institusi, JPN hendaklah **dilaksanakan** antara bulan **Januari hingga Mei** dan **Julai hingga November** setiap tahun kerana **Mesyuarat Pasukan Petugas Sistem eP peringkat KPM** akan diadakan pada bulan **Jun dan Disember** setiap tahun.

- 3.3 Kehadiran wakil daripada **Bahagian Perolehan** dan **syarikat yang menguruskan Sistem eP** dalam Mesyuarat Pasukan Pelaksana adalah **diwajibkan** dan **jemputan mesyuarat** hendaklah diterima oleh Bahagian Perolehan sekurang-kurangnya **tujuh (7)** hari sebelum tarikh mesyuarat.
- 3.4 Bahagian, Institusi dan JPN yang mempunyai Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawahnya perlu mengambil kira PTJ masing-masing sebagai ahli dalam mesyuarat Pasukan Pelaksana Sistem eP.
- 3.5 **Salinan Minit Mesyuarat Pasukan Pelaksana Sistem eP** hendaklah **dikemukakan kepada Bahagian Perolehan** untuk tujuan pemantauan dan rekod.

#### **4. TARIKH BERKUAT KUASA**

Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2023** dan dengan ini **Pekeliling Perolehan Bil. 1 Tahun 2019** adalah dibatalkan.

#### **5. PEMAKAIAN**

- 5.1 Garis Panduan ini terpakai kepada semua Bahagian, Institusi dan JPN bawah KPM.
- 5.2 Bagi perkara-perkara dan isu-isu **selain daripada tatacara** yang **dinyatakan dalam garis panduan** ini hendaklah mendapat **kelulusan daripada Setiausaha Bahagian Perolehan** terlebih dahulu.

## 6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai Garis Panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perolehan  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 5, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62604 PUTRAJAYA**  
(u.p.: Cawangan Dasar)

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATO' AHMAD FIRDAUS BIN BAHARUDDIN)**

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perolehan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tarikh : 04 Julai 2023